

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terdapat penghakiman di mahkamah tinggi di mana hakim telah membuat keputusan sendiri diluar peruntukan undang-undang dalam satu-satu kes. Apakah tindakan tatatertib yang boleh dilakukan ke atas hakim-hakim yang menjatuhkan hukuman di luar sesuatu akta undang-undang.

JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi boleh memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan. Bagi rayuan kes jenayah, peruntukan mengenai rayuan ke atas keputusan Mahkamah Tinggi diperuntukkan di bawah subseksyen 50(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] yang memperuntukkan seperti yang berikut:

"50. (1) Subject to any rules regulating the proceedings of the Court of Appeal in respect of criminal appeals, the Court of Appeal shall have jurisdiction to hear and determine any appeal against any decision made by the High Court—

(a) in the exercise of its original jurisdiction; and

(b) *in the exercise of its appellate or revisionary jurisdiction in respect of any criminal matter decided by the Sessions Court”.*

Rayuan bagi keputusan kes sivil yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi pula diperuntukkan di bawah subseksyen 67(1) Akta 91 seperti yang berikut:

“67. (1) The Court of Appeal shall have jurisdiction to hear and determine appeals from any judgment or order of any High Court in any civil cause or matter, whether made in the exercise of its original or of its appellate jurisdiction, subject nevertheless to this or any other written law regulating the terms and conditions upon which such appeals shall be brought.”.

Mahkamah Rayuan yang mendengar rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi boleh mengubah keputusan Mahkamah Tinggi apabila mendapati bahawa Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dalam keputusannya. Prinsip ini telah diputuskan di dalam kes Watt or Thomas [1947] AC 484 (m.s 487) dan di petik oleh Raja Azlan Shah (HMT, pada masa itu) di dalam keputusan kes Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138, di mana Lord Thankerton di dalam kes Watt or Thomas memutuskan seperti yang berikut:

“... an appellate court which is disposed to come to a different conclusion on the printed evidence, should not do so unless it is satisfied that any advantage enjoyed by the trial judge by reason of having seen and heard the witnesses, could not be sufficient to explain or justify the trial judge's conclusion....”

Mahkamah Persekutuan, dalam kes Ng Hoo Kui & Anor v. Wendy Tan Lee Peng, Pentadbir Kepada Harta Pusaka Tan Ewe Kwang, Simati & Ors [2020] 1 LNS 1060 turut memutuskan prinsip yang sama seperti yang berikut:

“[74] Thus, whilst there is slight difference in approach of appellate intervention, both the UK Supreme Court and our Federal Court effectively shares a common thread where it has been held that

appellate intervention is justified where there is lack of judicial appreciation of evidence”.

Oleh yang demikian, mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan hakim Mahkamah Tinggi dan merasakan keputusan yang dibuat oleh hakim berkenaan adalah di luar dari peruntukan undang-undang bagi kes tersebut, bolehlah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan. Sekiranya pihak tersebut masih tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Rayuan, bolehlah memfailkan rayuan seterusnya ke Mahkamah Persekutuan.

Pada masa yang sama, berdasarkan subsekyen 14(1) Akta 91, Hakim Mahkamah Tinggi atau mana-mana hakim adalah dilindungi oleh undang-undang daripada apa-apa tindakan termasuk guaman sepanjang tempoh menjalankan tugas kehakimannya tersebut. Peruntukan subsekyen 14(1) Akta 91 adalah seperti yang berikut:

“14. (1) No Judge or other person acting judicially shall be liable to be sued in any civil court for any act done or ordered to be done by him in the discharge of his judicial duty, whether or not within the limits of his jurisdiction, nor shall any order for costs be made against him, provided that he at the time in good faith believed himself to have jurisdiction to do or order the act complained of.”.

Sekian, terima kasih.